

16 DEC, 2020

## Cuaca jejas keluaran harumanis

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Cuaca jejas keluaran harumanis

**KANGAR:** Kedatangan musim tengkujuh yang menyebabkan hujan berpanjangan di Perlis kebelakangan ini dijangka menjaskan pengeluaran hasil mempelam harumanis tahun depan.

Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, hal demikian kerana buah tersebut hidup subur dan sesuai dengan cuaca kering.

Beliau menyarankan semua pengusaha harumanis mencari jalan dan kaedah untuk menambahkan hasil serta menjaga kualiti buah mereka.

"Cuaca yang selalu hujan tak

berhenti-henti seperti sekarang, saya bimbang hasil mempelam harumanis berkurangan.

"Harga buah tertakluk kepada kualiti. Kalau buah banyak tetapi kualiti tidak elok maka pembeli tidak membelinya. Sama ada banyak atau sedikit, pengusaha harus memastikan kualiti itu terjaga," katanya selepas merasmikan Kursus Pemantapan Pemasaran Digital Usahawan Tani Negeri Perlis di sini semalam.

Nurulhisham menasihatkan pengusaha harumanis mengikut saranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

(FAMA) dalam penjagaan pokok termasuk membalut buah dengan pembalut bersesuaian bagi menghasilkan buah berkualiti.

Beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan FAMA mengenai harga pembalut sedia ada dalam usaha meningkatkan mutu penghasilan buah tersebut.

Mengenai Kursus Pemantapan Pemasaran Digital Usahawan Tani Negeri Perlis, beliau memberitahu, tujuannya adalah menggalakkan usahawan di negeri ini berniaga secara dalam talian terutama dalam situasi pandemik Covid-19 yang belum berakhir.



**NURULHISHAM** Yaakob (dua dari kiri) menyampaikan sijil pelantikan Ahli Jawatankuasa Pasar Tani Negeri 2021 dalam Kursus Pemantapan Pemasaran Digital Usahawan Tani Negeri Perlis di Hotel Seri Malaysia, Kangar, Perlis.



16 DEC, 2020

## Cuaca jejas keluaran harumanis

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KANGAR: Kedatangan musim tengkujuh yang menyebabkan hujan berpanjangan di Perlis kebelakangan ini dijangka menjelaskan pengeluaran hasil mempelam harumanis tahun depan. Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, hal demikian kerana buah tersebut hidup subur dan sesuai dengan cuaca kering. Beliau menyarankan semua pengusaha harumanis mencari jalan dan kaedah untuk menambahkan hasil serta menjaga kualiti buah mereka. "Cuaca yang selalu hujan tak

berhenti-henti seperti sekarang, saya bimbang hasil mempelam harumanis berkurangan.